

BULETIN EKSPORT KAYU-KAYAN

Timber Export Bulletin

DIKELUARKAN OLEH LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA/ISSUED BY THE MALAYSIAN TIMBER INDUSTRY BOARD

BULETIN EKSPORT KAYU-KAYAN NO: 16 / 87
TARIKH DIKELUARKAN: 16 Nov 1998
SUBJEK: Penggunaan Bahan Awet Sodium Pentachlorophenate

Buletin ini adalah bertujuan untuk memaklumkan bahawa mulai 31 Disember 1999, Lembaga Racun Makhluk Perosak, akan menghentikan pendaftaran bahan awet Sodium Pentachlorophenate (NaPCP) yang digunakan untuk melindungi kayu dari serangan kulat 'sapstain'. Dengan perkembangan ini, pengawet-pengawet kayu tidak lagi akan memperolehi bekalan bahan awet ini selepas tarikh tersebut. Sebagai menggantikan NaPCP, beberapa bahan awet alternatif boleh digunakan untuk mencegah serangan kulat 'sapstain' pada kayu. Bahan-bahan awet ini telah dikaji oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan didapati sesuai untuk digunakan. Jenis bahan-bahan awet ini adalah seperti dalam Lampiran I yang disertakan bersama Buletin ini. Pihak industri adalah digalakkan untuk menggunakan bahan-bahan awet alternatif yang disenaraikan ini **dengan seberapa segera**.

Berikutan dengan perkembangan ini, satu Pasukan Petugas telah dibentuk untuk meneliti data-data yang wujud atau aspek-aspek yang perlu dilakukan kajian/penyelidikan ke atas bahan-bahan awet alternatif kepada NaPCP. Pasukan ini diwakili oleh wakil-wakil persatuan perindustrian seperti TEAM, TTFM, PEKA, MFIC, MWMJC, STIDC, STA dan T&S. MTIB adalah sekretariat bagi Pasukan Petugas ini. Pihak industri adalah digalakkan untuk memberi maklumbalas mengenai masalah yang dihadapi dalam menggunakan bahan awet alternatif yang disenaraikan dalam Buletin ini melalui persatuan masing-masing atau MTIB supaya ianya dapat dibawa ke perhatian Pasukan Petugas berkenaan untuk tindakan lanjut.

Pembekal kayu berdaftar yang memperolehi bekalan kayu gergaji, yang memerlukan perlindungan dari serangan kulat sapstain, dari pembekal-pembekal lain adalah juga diminta memaklumkan kandungan Buletin ini kepada pembekal-pembekal berkenaan serta memberitahu Pasukan Petugas sekiranya menghadapi masalah dalam menggunakan bahan awet alternatif berkenaan.


DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN MAT AMIN
Ketua Pengarah